

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

1. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah insentif yang dirancang bagi meningkatkan keupayaan tindakan membasmi masalah babi hutan di kawasan perumahan?
 - (a) Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah inisiatif tambahan yang bakal diambil bagi membasmi masalah babi hutan di kawasan DUN Permatang Pasir..

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhilitan Negeri Pulau Pinang telah menggunakan pelbagai kaedah untuk mengawal dan mengekang gangguan babi hutan antaranya dengan memasang perangkap, menjalankan operasi basmi musuh tanaman secara berkala dan kaedah penakaian.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhilitan sedang meneliti cadangan insentif bagi meningkatkan tindakan membasmi masalah babi hutan dalam bentuk operasi bersepadu melibatkan pemberian kontrak tangkapan pemburu berlesen. Namun begitu, cadangan ini perlu diperhalusi memandangkan wujudnya risiko apabila menggunakan kaedah memburu menggunakan senjata api di kawasan penempatan penduduk.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat prihatin dengan permasalahan gangguan babi hutan di negeri Pulau Pinang termasuk di KADUN Permatang Pasir. Inisiatif tambahan yang sedang dipertimbangkan bagi membasmi masalah babi hutan di kawasan DUN Permatang Pasir adalah seperti berikut:-
- (i) Memberi keutamaan pemasangan perangkap di kawasan yang mempunyai gangguan kekerapan tinggi dan kritikal di samping mengamalkan sistem penggiliran perangkap dari satu lokasi ke lokasi yang lain;
 - (ii) Menasihati orang ramai terutamanya pekebun-pekebun supaya memasang pagar di kawasan pertanian/penempatan bagi menghindari diceroboh babi hutan;
 - (iii) Menasihati orang ramai memastikan kawasan penempatan bersih serta menguruskan kaedah pelupusan sampah yang betul supaya tidak menjadi habitat mahupun lokasi mencari makanan bagi hidupan liar; dan
 - (iv) Mengalu-alukan komuniti untuk bersama-sama membantu Jabatan Perhilitan dalam menangani masalah ini melalui perolehan perangkap komuniti bagi mengurangkan/menyelesaikan masalah kacau gangguan hidupan liar kepada penduduk setempat.